

## **Polis cekup lelaki disyaki terlibat penyalahgunaan dadah**

Posted on February 18, 2015, Wednesday

MIRI: Polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri berjaya menangkap seorang lelaki disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Tangkapan ke atas suspek dilakukan sekitar jam 12 tengah hari semalam hasil serbuan polis di sebuah rumah di Taman Pantai Luak, Jalan Bakam di sini.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat sepasukan polis BSJND Miri diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman menyerbu rumah terbabit.

Dalam serbuan itu, polis menahan seorang lelaki untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Hasil pemeriksaan terhadap beg pinggang dipakai suspek menjumpai satu peketer plastik lutsinar mengandungi ketulan-ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan anggaran berat 0.49 gram.

Barang disyaki dadah itu dirampas manakala suspek dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan air kencing dan hasil ujian menunjukkan kesan positif dadah jenis amphetamine.

Berikutan itu, suspek kemudian ditangkap untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 12 (2) dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.